

Ruj. Kami : USM52/4 JLD. XL VI
Tarikh : 7 April 2025
Kepada : Semua Staf
Universiti Sains Malaysia

Bangunan Canselori
(Chancellory Building)
11800 USM
Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 04-6533888
www.usm.my

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 21 TAHUN 2025:

- PENGUMUMAN PENINGKATAN KADAR RAWATAN PERGIGIAN STAF DAN TANGGUNGAN STAF DI FASILITI KESIHATAN USM

Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Universiti telah bersetuju dan meluluskan **Peningkatan Kadar Rawatan Pergigian Staf dan Tanggungan Staf di Fasiliti Kesihatan USM** daripada **RM200.00 kepada RM400.00 setahun berkuat kuasa mulai 1 April 2025.**

2. Kemudahan rawatan pergigian yang diluluskan ini hanya **tertakluk di Fasiliti Kesihatan USM sahaja**. Sekiranya staf/tanggungan staf memilih mendapatkan perkhidmatan rawatan pergigian di klinik panel/klinik/hospital swasta, segala kos adalah di bawah tanggungan staf.

3. Dalam hal ini, tatacara kemudahan rawatan pergigian yang disediakan oleh Pusat Sejahtera (Pusat Perubatan dan Pergigian) Kampus Induk, Pusat Perubatan Universiti Sains Malaysia Bertam (PPUSMB), Unit Kesihatan Kampus Kejuruteraan dan Hospital Pakar Universiti Sains Malaysia (HPUSM) seperti berikut:

A. Kelayakan

Staf Tetap, Staf Kontrak (Warganegara) dan Staf Kontrak (Bukan Warganegara) termasuk tanggungan (Suami/Isteri dan anak-anak yang berumur di bawah 18 tahun; sekiranya masih mendapat pendidikan, tidak melebihi peringkat Ijazah Pertama atau tidak melebihi umur 26 tahun mana yang terdahulu dan termasuk anak tiri yang diisytiharkan dan anak angkat yang diambil secara sah atau melalui perundangan). Tiada had umur untuk anak-anak staf yang kelainan upaya dengan syarat anak staf berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

B. Kos Yang Dibiayai

Had maksimum kemudahan rawatan pergigian untuk staf dan tanggungan staf yang akan dibiayai oleh Universiti adalah sebanyak **RM400.00 setahun per keluarga. Namun bagi staf dan pasangan yang merupakan staf USM, Universiti akan membiayai setiap seorang sebanyak RM400.00 setahun.** Kekerapan rawatan adalah tanpa had selagi kadar yang diperuntukkan masih belum digunakan sepenuhnya. Pemantauan kos rawatan pergigian staf dan tanggungan staf adalah di bawah kawalan Pusat Sejahtera (Pusat Perubatan dan Pergigian) Kampus Induk, Unit Kesihatan, Kampus Kejuruteraan, Klinik Pakar Pergigian Pusat Perubatan Universiti Sains Malaysia Bertam (PPUSMB) dan Klinik Pergigian Hospital Pakar Universiti Sains Malaysia (HPUSM).

C. Jenis Rawatan Yang Dibenarkan

- i. Perundangan
- ii. Pencucian dan Pengilapan Gigi
- iii. Tampalan
- iv. Mencabut Gigi Biasa
- v. Ubat-ubatan Termasuk Antibiotik

...3/-



HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 21 TAHUN 2025:

- PENGUMUMAN PENINGKATAN KADAR RAWATAN PERGIGIAN STAF DAN TANGGUNGAN STAF DI FASILITI KESIHATAN USM

D. Sistem Temu Janji

Rawatan yang dilakukan adalah melalui Sistem Temu Janji sahaja. Staf/tanggungan staf boleh menghubungi kaunter di setiap Fasiliti Kesihatan USM dan hadir 5 hingga 10 minit lebih awal dari waktu temu janji bagi mengelakkan sebarang kelewatan. Berikut adalah nombor talian Kaunter Fasiliti Kesihatan USM yang boleh dihubungi:-

BIL	FASILITI KESIHATAN USM	NO. TELEFON
1.	Klinik Pergigian Pusat Sejahtera	04-653 4928
2.	Klinik Pergigian, Unit Kesihatan Kampus Kejuruteraan	04-599 5210
3.	Klinik Pakar Pergigian, Pusat Perubatan Universiti Sains Malaysia Bertam (PPUSMB)	04-562 2204/2288
4.	Klinik Pergigian, Hospital Pakar Universiti Sains Malaysia (HPUSM)	09-767 3704

4. Pihak Universiti berharap dengan peningkatan kadar rawatan pergigian ini, ianya dapat membantu meringankan beban kewangan staf disamping mampu meningkatkan kesihatan pergigian seluruh warga staf dan tanggungan staf USM ke tahap yang lebih optima.


5. Sebarang pertanyaan mengenai kemudahan tersebut, tuan/puan boleh majukan kepada **Puan Norazlinda binti Muda**, Ketua Unit Perhubungan dan Kesejahteraan Staf (UPKS) di talian 04-653 6096 atau e-mel (m.azlinda@usm.my).

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(MOHD AZIZUDIN BIN MOHD SHARIFF)

Pendaftar

s.k. Naib Canselor

Timbalan-Timbalan Naib Canselor

Bendahari

Pengarah, Kampus Kejuruteraan

Pengarah, Kampus Kesihatan

Pengarah, Hospital Pakar Universiti Sains Malaysia (HPUSM)

Pengarah, Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT)

Pengarah, Pusat Sejahtera

Timbalan Pendaftar Kanan, Jabatan Pendaftar, Kampus Kesihatan

Timbalan Pendaftar, Bahagian Sumber Manusia

Timbalan Pendaftar, Jabatan Pendaftar, Kampus Kejuruteraan

Ketua Penolong Pendaftar, Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT)